

01 FEB 1998

Anwar-Ekonomi

PUNCA KEMELUT EKONOMI: MALAYSIA TOLAK ANGGAPAN BARAT

BUKIT MERTAJAM, 1 Feb (Bernama) -- Malaysia menolak tanggapan sesetengah pemerhati barat bahawa kemelut ekonomi dan krisis mata wang yang berlaku di negara-negara Asia berpunca daripada pengurusan yang lembap, rasuah dan pelbagai gejala negatif lain.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mereka memberi gambaran seolah-olah ekonomi terjejas kerana pengurusan yang lembap, gejala rasuah dan pertimbangan semata-mata untuk suku sakat serta kepentingan sahabat handai dan keluarga.

"Gambaran itu seolah-olah semua gejala negatif ini hanya berkait dan terpalit bagi negara-negara timur dan negara barat bebas daripada kelemahan mendukung perniagaan dan kepentingan suku sakat, bersih daripada gejala rasuah ataupun gejala kepincangan sosial yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Hari Raya di kediamannya di Cherok Tok Kun di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri, Toh Puan Siti Zainab Baharuddin, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya, Datuk Mohd Shariff Omar serta Anggota Exco Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, sekiranya ada tekad di kalangan masyarakat dunia termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk mempertikai kelemahan itu, maka mereka harus lakukan dengan berani dan tegas dengan tidak hanya merujuk kepada negara sedang membangun dan negara-negara di Asia semata-mata.

"Mereka tidak perlu menutup kenyataan bahawa kepincangan dan ketidakadilan juga berlaku di negara barat dan ketidakadilan itu juga berpunca daripada sistem perdagangan antarabangsa yang tidak adil," katanya.

Beliau berkata, pihak barat tidak harus menolak bahawa ketidakadilan itu juga memberi kepentingan kepada negara kaya dan negara industri yang menggunakan fungsi di peringkat antarabangsa untuk mempertahankan kepentingan negara-negara kaya.

Semua perkara itu harus diambil kira untuk menjadikan perbahasan mengenai keadilan dunia sejagat supaya lebih tepat.

"Ianya perlu diketengahkan kerana setiap kenyataan kita berhubung gejala negatif ini hanya dikaitkan dengan negara-negara membangun dan tiada negara yang harus dianggap paling cekap dan berwibawa kerana semua negara harus berubah, berkembang dan matang," kata beliau lagi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kelemahan itu tidak harus dikaitkan secara khusus kepada negara-negara berkembang dan negara-negara timur.

Beliau juga tidak menafikan dalam beberapa keadaan, rantau ini juga harus mengalami pembaharuan, transformasi atau perubahan yang harus memantangkan cara pengurusan negara secara lebih telus dan teratur serta harus membanteras rasuah dengan lebih berkesan.

"Kita harus mendukung, tidak harus negatif atau bersikap takut kalau kita harus bersama-sama menggesa keadaan bagi merangsang keadaan ke arah perubahan."

Ketika ditanya mengenai bantuan Malaysia sebanyak RM1 billion untuk Indonesia menghadapi kegawatan ekonomi, beliau berkata, bantuan itu bertujuan membantu negara jiran dan masyarakat Malaysia faham bahawa tanpa pemulihan yang meyakinkan Indonesia dan Thailand, ia akan turut menyusahkan Malaysia.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, adalah penting bagi Malaysia melihat negara jiran itu berjaya dan kejayaan itu tidak akan dicapai kalau tiada kesungguhan negara ini memberikan kerjasama kepada mereka.

"Kita perlu lebih positif kerana saya melihat perkembangan sekarang dengan langkah-langkah yang diambil baik daripada segi fiskal atau kewangan di Thailand, Indonesia dan Korea akan menampakkan kesan yang membanggakan," kata beliau.

Walaupun Malaysia tidak merujuk kepada IMF, tetapi negara ini telah mengambil semua langkah yang dirasakan perlu termasuk satu langkah di peringkat rantau bagi menjalankan beberapa perubahan.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkunjung ke Indonesia dan akan berkunjung ke Singapura, Filipina dan Thailand untuk meneruskan strategi bersama bagi memulihkan ekonomi rantau ini.

Selain itu, beliau sendiri akan mengadakan lawatan tidak rasmi ke Jepun dan Taipei untuk menjalankan usaha yang sama selain telah menghubungi rakan sejawatnya di Hong Kong, China dan Amerika Syarikat untuk mengemukakan langkah tambahan secara menyeluruh dan berkesan bagi memulihkan ekonomi rantau ini. -- BERNAMA

SA PR